



KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

LAPORAN STATUS KUALITI UDARA DAN JEREBU DALAM NEGARA

JAS memandang serius perkembangan kualiti udara semasa dan terus memperkukuh pemantauan serta tindakan di lapangan selaras dengan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan (PTJK) dan Arahan NADMA No. 1: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara.

Indeks Pencemar Udara (IPU) yang direkodkan di laman sesawang Jabatan Alam Sekitar pada jam 3 petang ini menunjukkan tiga (3) kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik, tiga puluh enam (36) kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana, **dua puluh empat (24) kawasan mencatatkan bacaan IPU pada tahap tidak sihat dan empat (4) kawasan mencatatkan bacaan IPU pada tahap sangat tidak sihat, pada hari ini, iaitu:**

SANGAT TIDAK SIHAT

- 1) IPD Serian, SARAWAK (IPU - 254)**
- 2) Kuching, SARAWAK (IPU - 261)**
- 3) Sri Aman, SARAWAK (IPU - 234)**
- 4) Samarahan, SARAWAK (IPU - 231)**

TIDAK SIHAT

- 1) Tasek Ipoh, PERAK (IPU - 159)**
- 2) Pegoh Ipoh, PERAK (IPU - 151)**
- 3) Seri Manjung, PERAK (IPU - 156)**
- 4) Tanjung Malim, PERAK (IPU - 156)**
- 5) Batu Muda, W.P. KUALA LUMPUR (IPU - 163)**

- 6) Cheras, W.P. KUALA LUMPUR (IPU - 159)**
- 7) Putrajaya, W.P. PUTRAJAYA (IPU - 156)**
- 8) Kuala Selangor, SELANGOR (IPU - 124)**
- 9) Petaling Jaya, SELANGOR (IPU - 154)**
- 10) Shah Alam, SELANGOR (IPU - 163)**
- 11) Klang, SELANGOR (IPU - 155)**
- 12) Banting, SELANGOR (IPU - 159)**
- 13) Nilai, NEGERI SEMBILAN (IPU - 159)**
- 14) Seremban, NEGERI SEMBILAN (IPU - 153)**
- 15) Alor Gajah, MELAKA (IPU - 146)**
- 16) Bukit Rambai, MELAKA (IPU - 107)**
- 17) ILP Miri, SARAWAK (IPU - 173)**
- 18) Miri, SARAWAK (IPU - 164)**
- 19) Samalaju, SARAWAK (IPU - 179)**
- 20) Bintulu, SARAWAK (IPU - 168)**
- 21) Mukah, SARAWAK (IPU - 185)**
- 22) SARAWAK (IPU - 166)**
- 23) Sarikei, SARAWAK (IPU - 185)**
- 24) JOHAN SETIA, SELANGOR (IPU - 165)**

Berdasarkan rekod pemantauan JAS pada jam 3 petang, 8 September 2026, sebanyak empat (4) kawasan iaitu IPD Serian (IPU 254), Kuching (IPU 261), Sri Aman (IPU 234) dan Samarahan (IPU 231) mencatatkan bacaan pada tahap sangat tidak sihat. Beberapa kawasan lain di Sarawak turut merekodkan bacaan pada tahap tidak sihat.

Keadaan ini berlaku dalam persekitaran cuaca kering yang berterusan di sebahagian Rantau Selatan ASEAN. Berdasarkan laporan ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC) pada 7 September 2026, sebanyak 109 titik panas dikesan di Kalimantan, 119 di Sumatera dan 6 titik panas di Malaysia, iaitu 4 di Pahang dan 1 di Terengganu. ASMC turut melaporkan kepulan asap rentas sempadan sederhana hingga tebal diperhatikan meliputi bahagian barat laut Borneo. Kepulan asap sederhana hingga tebal turut diperhatikan berpunca daripada kelompok titik panas yang dikesan di banyak kawasan di Kalimantan, bahagian timur Jawa serta bahagian

tengah dan selatan Sumatera. Jerebu sederhana turut diperhatikan di bahagian barat Semenanjung Malaysia.

TINDAKAN JAS DIPERKUKUH

Jabatan Alam Sekitar (JAS) turut memberi perhatian khusus terhadap kejadian kebakaran yang berlaku di beberapa kawasan di Sarawak, khususnya di kawasan tanah gambut dan tapak pelupusan sampah, berikutan risiko kebakaran yang lebih tinggi dalam keadaan cuaca panas dan kering. Kebakaran di kawasan berkenaan berpotensi menghasilkan asap dan pelepasan bahan pencemar yang boleh menjejaskan kualiti udara setempat sekiranya tidak dikawal.

Berdasarkan status terkini, kebakaran di Jalan Sibujaya Barat, Mukah telah berjaya dipadamkan sepenuhnya. Manakala di Kampung Kut, Daro, daripada keseluruhan kawasan seluas 8 hektar yang terbakar, kira-kira 7.8 hektar telah berjaya dipadamkan, dengan baki 0.2 hektar masih dalam tindakan pemadaman. Di Sungai Nai, Daro pula, daripada keseluruhan kawasan seluas 4.5 hektar yang terbakar, kira-kira 3 hektar telah berjaya dipadamkan, manakala baki 1.5 hektar masih dalam tindakan pemadaman. Selain itu, kebakaran di Tapak Pelupusan Sampah Selalang, Sarikei melibatkan kawasan seluas 0.6 hektar, dengan kira-kira 0.2 hektar telah berjaya dipadamkan dan baki 0.4 hektar masih dalam tindakan pemadaman.

Selain itu, kebakaran yang melibatkan kawasan hutan paya gambut turut dilaporkan di sekitar Tanah Perkuburan Cina Bukit Pelali dan Jalan Bypass Sebana Cove–Punggai, Pengerang. Kebakaran dianggarkan melibatkan kawasan seluas 17 hektar, dengan kira-kira 1.7 hektar telah berjaya dipadamkan. Keadaan kebakaran dilaporkan bertompok-tompok, dengan tiupan angin yang kuat serta keadaan hutan yang menyukarkan pemadaman. JAS Johor akan terus memberi perhatian terhadap perkembangan kebakaran tersebut, khususnya dari aspek potensi kesannya terhadap kualiti udara.

Dalam konteks kawalan pencemaran udara, JAS sentiasa memberi perhatian terhadap sebarang aktiviti pembakaran terbuka dan kejadian kebakaran yang berpotensi menyumbang kepada kemerosotan kualiti udara. Pemantauan akan

dipertingkatkan sekiranya berlaku peningkatan pencemaran udara, manakala tindakan sewajarnya akan diambil mengikut bidang kuasa dan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa bagi memastikan kesan kebakaran terhadap alam sekitar dan kesihatan awam dapat diminimumkan.

Pada masa yang sama, JAS akan terus memantau bacaan IPU, titik panas serta perkembangan jerebu rentas sempadan dengan mengambil kira maklumat meteorologi sebagai input kepada penilaian situasi dan penyelarasan tindakan pengurusan jerebu di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan.

JAS turut menekankan kerjasama pihak industri dalam memastikan pelepasan udara daripada punca utama dikurangkan bagi kawasan yang mencatatkan bacaan IPU melebihi 300, selaras dengan keperluan kawalan pencemaran dan tanggungjawab pihak industri dalam membantu mengurangkan tekanan terhadap kualiti udara.

TINDAKAN SELARAS PTJK

Tindakan JAS dilaksanakan secara bersepadu selaras dengan PTJK yang menetapkan peranan pelbagai agensi berdasarkan tahap dan perkembangan situasi jerebu. Antara mekanisme yang digariskan ialah pengaktifan Jawatankuasa Pengurusan Bencana oleh NADMA apabila:

- bacaan IPU melebihi 150 selama lebih 24 jam;
- penghentian aktiviti luar bilik darjah apabila IPU melebihi 100;
- penutupan sekolah, tadika dan taska apabila IPU melebihi 200; dan
- pelaksanaan Operasi Pembenihan Awan tertakluk kepada kehadiran awan dan keadaan cuaca yang sesuai apabila bacaan IPU melebihi 150 selama lebih 24 jam.

JAS akan terus mengemukakan maklumat berkaitan perkembangan situasi, hasil pemantauan, rondaan, OMPT dan tindakan penguatkuasaan secara berkala mengikut mekanisme pelaporan yang ditetapkan. Ini bagi memastikan perkembangan situasi

dapat dinilai secara berterusan dan tindakan sewajarnya dapat diselaraskan di semua peringkat.

Dalam keadaan semasa, JAS tidak akan berkompromi terhadap sebarang pembakaran terbuka yang dikenal pasti berpunca daripada aktiviti manusia, khususnya sekiranya aktiviti tersebut menyumbang kepada kemerosotan kualiti udara. Tindakan pencegahan, pemeriksaan, siasatan dan penguatkuasaan akan diteruskan berdasarkan bukti serta bidang kuasa yang diperuntukkan kepada JAS.

ORANG RAMAI DIMINTA BEKERJASAMA

JAS menyeru orang ramai supaya tidak melakukan pembakaran terbuka, khususnya ketika keadaan cuaca panas dan kering serta kualiti udara berada pada tahap yang tidak sihat hingga berbahaya.

Orang ramai juga diminta supaya tidak membenarkan tanah atau premis milik mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan berlakunya pembakaran terbuka.

Selaras dengan Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2024, kesalahan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda minimum RM25,000 hingga RM1,000,000, atau penjara sehingga lima tahun, atau kedua-duanya. Kompaun sehingga 50 peratus daripada denda maksimum juga boleh dikenakan bagi setiap kesalahan.

Orang ramai diminta segera melaporkan sebarang kejadian kebakaran atau pembakaran terbuka kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia melalui talian 999 atau JAS melalui talian bebas tol 1-800-88-2727 bagi membolehkan tindakan segera diambil.

Bacaan IPU terkini setiap jam boleh dirujuk melalui Sistem Pengurusan Indeks Pencemar Udara (APIMS) JAS atau aplikasi rasmi MyJAS EQMS. Orang ramai juga dinasihatkan supaya mengikuti arahan dan nasihat kesihatan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

JAS akan terus memantau, menilai dan bertindak berdasarkan perkembangan kualiti udara serta keadaan jerebu semasa, di samping memperkukuh kerjasama dengan NADMA, kerajaan negeri Sarawak dan semua agensi berkaitan bagi memastikan tindakan menangani jerebu dilaksanakan secara pantas, terselaras dan berkesan. memperkukuhkan tindakan untuk:

HAJAH AZURI AZIZAH BINTI HAJI SAEDON
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)
8 SEPTEMBER 2026



Unit Komunikasi Korporat | Jabatan Alam Sekitar (JAS)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 47

Peta Jerebu Serantau Yang Dikeluarkan Oleh ASMC Pada 7 September 2026

